

27/05/2003

Belia patut sahut cabaran Dr Mahathir

KEJAYAAN perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin merentasi Selat Melaka

iaitu dari Kuala Perlis ke Jeti Kuah, kelmarin adalah satu lagi pencapaian

membanggakan. Bagi perenang yang bersemangat kental dan penuh keazaman ini, ia sebagai persiapan sebelum beliau merentasi Selat Inggeris yang dijadualkan Julai atau Ogos ini. Pencapaian di Langkawi dan peluang mencipta nama berenang di perairan mencabar di antara benua Eropah dengan

tanah besar Britain itu adalah bukti rakyat Malaysia berani menyahut cabaran dan bercita-cita tinggi untuk mengukir kejayaan sebagaimana ditunjukkan bangsa lain. Kini Malik giat berlatih bagi menghadapi Cabaran

Selat Inggeris 2003. Adalah diharapkan beliau berjaya dan meletakkan namanya sebaris dengan Datuk Azhar Mansor yang belayar solo mengelilingi dunia pada 1997 dan dua pendaki dalam Pasukan Everest Malaysia, M Magendran dan N Mohandass yang berjaya tiba di puncak Gunung Everest pada

1997. Bagaimanapun, kita seharusnya tidak cepat berpuas hati dengan pencapaian setakat itu saja, kerana seperti kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad generasi muda perlu meningkatkan lagi pencapaian

negara. Sejajar inilah beliau mencabar generasi muda untuk mencipta lebih

banyak rekod dunia bagi meneruskan kemampuan dan kejayaan Malik, Azhar, Magendran dan Mohandass itu.

Dalam hal ini, Dr Mahathir mencadangkan generasi muda berjalan kaki merentasi benua Antartika di khutub selatan. Ini pernah dilakukan rakyat Scotland dan banyak negara lain. Walaupun kita berasal dari kawasan beriklim panas kita perlu membuktikan bahawa kita sebenarnya boleh menyesuaikan diri dan berdepan dengan cabaran getir mengatasi kesejukan sehingga ke tulang itu. Ia memanglah cabaran yang penuh bahaya dan hanya tahap disiplin dan latihan ketahanan diri luar biasa boleh membuat kita mampu mencapai kejayaan. Belia haruslah bersedia menyahut cabaran ini dan

membuktikan semangat waja rakyat muda sejajar cogankata Malaysia Boleh.

Namun, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan mencipta rekod dan kejayaan dalam ekspedisi mencabar saja kerana ada banyak lagi bidang yang

mampu menaikkan nama negara dan bangsa. Penciptaan dalam rekaan sains dan

produk baru adalah sesuatu yang tidak begitu popular dan tidak banyak dicuba serta diterokai rakyat Malaysia. Penciptaan dan inovasi sesuatu barang atau produk pengguna yang banyak kegunaannya harus diterokai dengan

lebih meluas lagi. Hendaknya pada masa depan kita boleh berbangga bukan dengan rekod kejayaan dalam ekspedisi saja, malah ada ramai pencipta dan pereka barangan yang mampu kita ketengahkan di persada antarabangsa.

